

KEANEKARAGAMAN CIRI LARAS BAHASA KREATIF (SASTERA) DALAM PENULISAN NOVEL *HUJAN PAGI*

**Siti Nor Atikaf Salleh, Nurfarhana Shahira Rosly,
Nabillah Bolhassan, Asrul Azuan Mat Dehan¹**

Abstrak

Kajian ini adalah berkaitan keanekaragaman ciri laras bahasa kreatif (sastera) yang terdapat dalam novel Hujan Pagi karya sasterawan negara iaitu A. Samad Said. Laras bahasa kreatif sastera berperanan membantu pengarang menyampaikan maklumat idea kepada khalayak ramai yang disasarkan. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti ciri-ciri laras bahasa kreatif (sastera) yang terdapat dalam penulisan novel Hujan Pagi. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Retorik Moden. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat sembilan jenis laras bahasa kreatif sastera yang terdapat dalam novel Hujan Pagi. Melalui kajian ini, pengkaji dapat memberi pendedahan kepada pembaca novel tentang ilmu bahasa.

Kata Kunci: *Teori Retorik Moden, novel, karya kreatif, laras bahasa kreatif, Hujan Pagi, A. Samad Said.*

¹ Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.

Emel: sitinoratikaf_upm@yahoo.com, nfarhanashahirarosly@gmail.com, nabillahbolhassan@gmail.com, asrulazuan@gmail.com

DIVERSITY OF ADJUSTABLE CREATIVE LITERARY LANGUAGE (LITERATURE) IN WRITING OF THE NOVEL HUJAN PAGI

Abstract

This study is related to the diversity of adjustable features creative language (literature) present in the novel Hujan Pagi by A. Samad Said. Adjustable creative literary language serves to help authors to submit ideas to the public information that is targeted. The objective of this study was to identify the characteristics of the creative language of (literary) found in the writing of the novel Hujan Pagi. The study employs document analysis. The theory used in this study is New Rhetoric Theory. The study found that there are nine types of adjustable creative literary language contained in the novel Hujan Pagi. Through this study, the researcher can give exposure to the reader of novel about linguistics.

Keywords: New Rhetoric Theory, novel, creative writing, creative language, Hujan Pagi, A. Samad Said

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu dengan yang lain. Webster & New Collegiate Dictionary (1981) menjelaskan "*Communication is a process by which information is exchange between individuals through a common system of symbols, signs or behavior*". Ketika berbahasa, penutur perlu menggunakan laras bahasa yang betul supaya maklumat yang hendak disampaikan mudah difahami dan dapat mengelakkan timbulnya kesalahfahaman menginterpretasi maklumat tersebut. Leoni Agustina (2010) menjelaskan laras bahasa dengan sifat yang beragam, iaitu walaupun sesebuah bahasa mempunyai kaedah dan pola yang sama, bahasa yang digunakan oleh penutur yang heterogen mempunyai latar belakang sosial bebeza. Hal ini memperlihatkan bahasa akan beragam dengan baik dengan gabungan aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan juga leksikon.

Laras bahasa membantu penutur bahasa tersebut menggunakan kegiatan sosial untuk menguasai situasi sosial dan komuniti masyarakat mereka sendiri (Ure dan Ellis, 1977). Nik Safiah Karim (1992) pula menyatakan bahawa seseorang individu menggunakan bentuk pertuturan yang berlainan mengikut situasi yang tertentu dan seseorang itu berkuasa untuk memilih laras tersebut daripada satu senarai yang terdapat dalam dirinya.

Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Salleh Rahamad (1998), menyatakan bahawa laras bahasa merupakan tatacara penggunaan sesuatu bahasa. Perkembangan bahasa Melayu telah membawa kepada keberhasilan berbagai-bagai laras bahasa, iaitu laras bahasa sastera, bukan sastera, undang-undang, sains

dan teknologi, ekonomi dan jurnalistik. Seterusnya, Raminah Hj. Sabran (1989) menjelaskan bahawa setiap bahasa mempunyai beberapa laras tersendiri yang digunakan dalam situasi dan juga konteks yang berbeza. Abdullah Hassan (1989) juga mengatakan bahawa penggunaan kata-kata tertentu yang bersesuaian dengan konteksnya juga merupakan laras bahasa.

Laras bahasa merupakan satu corak bahasa yang dihasilkan oleh penutur yang terlibat untuk berkomunikasi berkaitan sesuatu perkara atau situasi yang terjadi disekitarnya (Janet, 2001). Asmah Haji Omar (2005) pula menyatakan bahawa laras merupakan konsep yang merujuk kepada ragam sesuatu bahasa, iaitu dari segi sistem dan struktur bahasa yang digunakan. Penggunaan kata dan struktur ayat yang khusus menjadi garis penentu kepada kewujudan laras dalam bahasa tersebut.

SOROTAN KAJIAN

Halliday (1968) menyatakan bahawa ketidaktepatan penggunaan laras bahasa telah menyebabkan bentuk-bentuk yang terhasil tidak sesuai untuk digunakan dalam bidang tersebut. Antara kesalahan yang sentiasa dilakukan oleh penutur bukan ahli bahasa ialah pemilihan perkataan yang tidak sesuai bagi sesuatu laras dan mencampur aduk perkataan dengan laras yang berlainan. Kemunculan laras bahasa yang baharu dalam pelbagai bidang telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah berkembang dengan pesat (Nik Safiah Karim, 1986).

Nik Safiah Karim (1989) menyatakan bahawa pengguna bahasa Melayu perlu mengetahui jenis laras yang terkandung dalam bahasa tersebut. Pengetahuan ini dapat membantu mereka menggunakan laras yang betul dan tepat ketika berkomunikasi berkenaan bidang yang tertentu. Abdullah Hassan (1997) berpendapat bahawa laras merupakan unsur bahasa yang penting dan ciri gaya naratif khusus yang digunakan dalam bidang-bidang yang tertentu.

Laras bahasa bermaksud ragam bahasa yang digunakan mengikut bidang-bidang tertentu. Kebudayaan dalam masyarakat itu akan ditentukan oleh kepelbagaian laras yang wujud dan kekayaan laras bahasa tersebut. Setiap laras yang terbentuk mempunyai cirinya yang tersendiri (Awang Sariyan, 1992). Maka, pengguna bahasa perlu menguasai setiap laras dalam ruang lingkup kehidupannya untuk mengelakkan kekeliruan dan percampuran laras ketika berkomunikasi antara satu dengan yang lain.

S. Nathesan (1995) menyatakan bahawa pengetahuan tentang laras bahasa sangat membantu para pengguna bahasa terutamanya para golongan yang terlibat dalam bidang akademik akan menyedari bahawa dalam keadaan sosial yang berbeza telah wujud di persekitaran kehidupan mereka. Kesedaran masyarakat berkenaan hal ini telah membentuk mereka untuk sentiasa mencari laras yang berbeza-beza ketika berkomunikasi mengikut keadaan yang tertentu.

Laras bahasa merupakan satu penggunaan bahasa yang sentiasa berubah mengikut konteks dan bidang penggunaannya (Nik Safiah Karim, 1989) serta situasi

untuk mewujudkan kelainan mengikut disiplin ilmu yang diterokainya (Asmah Haji Omar, 1987). Kamaruddin Husin (1995) menyatakan bahawa laras merupakan bentuk bahasa yang khusus sifatnya bagi membincangkan tentang sesuatu bidang yang tertentu. Kemampuan seseorang menggunakan laras yang betul dan tepat mengikut situasi dan keadaan membolehkan segala maklumat yang hendak dinyatakan lebih mudah difahami komunikasi dapat dilakukan dengan kesan.

James Jong (2005) telah menjalankan kajian mengenai perkaitan di antara penggunaan bahasa oleh seseorang penutur dan konteks penggunaannya dalam situasi yang tertentu. Kajian mendalam tersebut meneliti dengan lebih terperinci mengenai cara-cara seseorang penutur bahasa menggunakan pengetahuan sosialnya apabila berinteraksi dengan orang lain mengikut konteks penggunaan bahasa bagi tujuan mencapai objektif sesebuah interaksi. Kajian James Jong (2005) telah mendapati bahawa struktur genetik laras bahasa kebiasaannya disesuaikan dengan situasi yang tertentu. Isi perbincangan yang dituturkan dalam konteks situasi mempunyai perkaitan dengan penggunaan bahasa. Selain itu, genre merupakan “tujuan aktiviti yang melibatkan penutur sebagai ahli” (Martin, 1992).

Nik Rosilawati Seman (2010) menyatakan bahawa kepelbagaian laras dalam bahasa Melayu menggambarkan perkembangan yang pesat dan kemajuan bagi bahasa tersebut. Perkara ini harus disedari oleh pengguna bahasa Melayu agar peka dengan perkembangan yang berlaku di samping mendalami pengetahuan dan pengalaman tentang laras bahasa, terutama yang baru muncul itu. Beliau turut menekankan bahawa pembelajaran tentang laras bahasa di peringkat sekolah agar pengguna bahasa dapat menguasai bahasa tersebut. Mereka harus menyedari bahawa penggunaan laras yang berbeza-beza dalam perlakuan sosial mempunyai kepentingan yang tersendiri. Abdullah Hassan (1997) menyatakan bahawa terdapat sembilan jenis laras dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah laras bahasa umum, teknikal, undang-undang, agama, himbuan, klasik, kreatif, kanak-kanak dan iklan.

Laras bahasa kreatif merupakan bentuk yang dicipta daripada gabungan antara ciri imaginatif dengan pengalaman hidup seseorang penulis. Laras kreatif berperanan untuk membantu pengarang menyampaikan maklumat, perasaan, idea atau pengalaman kepada khalayak pembaca yang disasarkan. Di samping itu, laras kreatif digunakan untuk menampilkan kesan makna dan seni yang terdapat dalam pemakaian bahasa yang jelas dan bertenaga. Keanekaragaman bentuk gaya, kejelasan, kesatuan dan kejelasan merupakan aspek yang penting dan perlu wujud ketika penutur menggunakan laras kreatif ketika berkomunikasi (Kamaruddin Haji Husin, 1995).

Adenan ayob et. al, (2010) menyatakan bahawa makna laras perlu dibezakan dengan makna dialek. Hal ini berlaku demikian kerana dialek muncul daripada penggunaan bahasa yang berbeza-beza disebabkan oleh faktor geografi atau daerah. Manakala laras merupakan aspek yang terhasil daripada penggunaan bahasa yang berbeza-beza mengikut faktor sosial atau faktor persekitaran. Ab. Razak Ab. Karim (2008) menyatakan bahawa kewujudan laras berasal daripada

pemilihan variasi bahasa yang sesuai dengan keadaan tertentu oleh pengguna bahasa. Masyarakat tidak menyedari bahawa mereka menggunakan pelbagai variasi bahasa untuk menyampaikan sesuatu perkara atau maklumat.

Kepelbagaian sub bidang dalam bahasa Melayu telah membawa kepada kewujudan laras bahasa yang tersendiri. Laras bahasa dalam subbidang berbeza-beza antara satu dengan yang lain walaupun dalam bidang yang sama (Noresah Baharom, 2012). Jumlah laras bahasa dalam sesuatu masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut selari dengan konteks dan situasi penggunaan bahasa itu. Semakin berkembang bahasa tersebut, semakin bertambah laras bahasa dalam bahasa tersebut. Keanekaragaman laras bahasa yang wujud dalam bahasa Melayu telah membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu mentafsir pemikiran yang tinggi dan selaras dengan perkembangan peradaban.

Nur Fatiha Fadila (2012) menyatakan bahawa kesenian dan kekreatifan dalam komunikasi berbahasa telah wujud dalam konteks sastera lisan mahupun tulisan. Bahasa berfungsi sebagai alat untuk membentuk fikiran dan falsafah hidup penutur bahasa tersebut. Pemanipulasian bahasa kreatif telah menampilkan kesan yang mendalam terhadap tahap pemikiran pengguna bahasa. Penguasaan dan pemahaman berkaitan tentang bahasa yang bersifat kreatif telah mewujudkan laras bahasa yang tersendiri bagi tujuan untuk memperlihatkan kesantunan dalam sesebuah pengajaran.

Manakala, Martin & Rose (2003) menjelaskan genre sebagai “perbezaan ciri-ciri teks yang menggubal pelbagai jenis konteks sosial”. Maka, laras-laras yang digunakan dalam setiap teks mempengaruhi proses penyampaian mesej dalam sesebuah teks. Keanekaragaman bentuk gaya, kejelasan, kesatuan dan kejelasan merupakan aspek yang penting dan perlu wujud ketika penutur menggunakan laras kreatif ketika berkomunikasi (Kamaruddin Haji Husin, 1995). Pengenalpastian mengenai jenis laras bahasa diperlukan bagi memperoleh makna sebenar penyampaian sesebuah teks.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk meneliti perkara yang berikut, iaitu menghuraikan ciri-ciri laras bahasa kreatif dalam penulisan novel *Hujan Pagi*.

METODOLOGI

Objektif kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen merupakan satu kaedah yang digunapakai untuk membuat penganalisan yang tuntas terhadap kategori yang dipilih oleh penyelidik (Syed Arabi Idid, 1993). Kaedah analisis dokumen digunakan untuk menganalisis ciri penting laras bahasa kreatif yang terdapat dalam penulisan novel *Hujan Pagi*. Novel setebal 418 halaman ini ditulis oleh A. Samad Said dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu, teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Retorik Moden yang dipelopori oleh Enos & Brown (1993). Teori Retorik Moden merupakan lanjutan daripada Teori Retorik Klasik yang telah diasaskan oleh Aristotle. Konsep retorik pada awalnya merupakan komunikasi lisan sahaja dengan penekanan kepada pengaruh pendengar mengenai sesuatu yang diujarkan seperti dalam debat, pidato dan sebagainya. Namun, retorik moden diperluaskan konsepnya iaitu penglibatan komunikasi dalam bentuk lisan dan tulisan. Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) mempunyai lima prinsip utama, iaitu mewujudkan kelainan dan penyimpangan bentuk bahasa, yang mana memperlihatkan penggunaan bahasa tidak berlaku secara nyata, tetapi disampaikan dengan menggunakan gaya bahasa yang lebih indah. Seterusnya, prinsip yang kedua ialah mewujudkan penyimpangan dari sudut makna. Penyampaian bahasa dilakukan secara tersirat dan dapat difahami oleh pembaca dengan melihat kepada ayat dan konteks dalam sesebuah penulisan. Ketiga, mewujudkan kesan yang lebih mendalam terhadap karya yang dihasilkan. Retorik digunakan bagi memperhalus makna yang ingin disampaikan oleh pembaca. Prinsip yang ke empat ialah menampilkan estetika dalam penilaian diksi atau penyusunan ayat. Beberapa elemen penting dalam penulisan kreatif digunakan bagi memperjelas penggunaan diksi yang bersifat artistik. Akhir sekali, prinsip kelima Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) ialah menimbulkan pemahaman atau ungkapan retorik yang memerlukan keupayaan kognitif, pemahaman sosial dan juga perkaitan keadaan persekitaran bahasa.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Ciri-ciri Laras Bahasa Kreatif (Sastera) yang Terdapat dalam Penulisan Novel *Hujan Pagi*

Bersifat Imajinatif dan Figuratif

Penggabungan aspek realiti dan imaginasi pengarang telah membentuk laras kreatif yang mantap. Perkataan digunakan secara berhati-hati agar idea yang ditampilkan dapat mempengaruhi perasaan pembaca dengan berkesan. Penyimpangan maksud daripada pengucapan bahasa biasa merupakan sifat figuratif yang wujud pada laras kreatif. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah bererti laras yang terhasil menyingkirkan peraturan tatabahasa. Penggunaan bahasa sindiran, kiasan dan gaya retorik telah memberikan kesan yang kuat kepada pembaca. Contoh laras bahasa kreatif yang bercirikan imajinatif dan figuratif dalam *Hujan Pagi* adalah seperti yang berikut, iaitu:

- i. *Berlari pohon-pohon getah*, lebih laju oleh kelajuan bas yang dinaikinya itu.

(HP: 65)

- ii. *Dia terluka dipijak oleh para demonstiran* yang marah dan gamam walaupun dia sendiri sebenarnya pemerhati saja.

(HP: 44)

Dalam contoh (i) jelas memperlihatkan penggunaan laras bahasa kreatif yang bercirikan imaginatif dan figuratif menerusi ayat ‘berlari pohon-pohon getah’. Kebiasaannya, perkataan ‘berlari’ merupakan satu kata kerja yang sinonim dengan manusia ataupun haiwan yang mempunyai kaki sahaja dan tidak kepada tumbuhan. Secara fitrahnya, adalah sesuatu perkara yang mustahil jika pokok mempunyai kebolehan untuk berlari. Namun, dalam novel ini, pengarang telah meletakkan sifat perorangan itu melalui pokok getah. Dalam ayat (i), pengarang ingin menyampaikan bahawa pergerakan pokok-pokok getah yang dilihat oleh watak tersebut seakan-akan bergerak lebih laju dari bas yang dinaikinya. Pemilihan ayat-ayat yang bersifat imaginatif dan figuratif ini sememangnya dapat memberi impak kepada pembaca serta mampu menjadikan sesebuah karya itu lebih hidup.

Hal ini memperlihatkan terdapat perkaitan yang jelas dengan prinsip pertama yang terkandung dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu mewujudkan kelainan dan penyimpangan bentuk bahasa. Penggunaan bahasa atau penyampaian sesebuah ayat tidak disampaikan secara nyata, tetapi lebih kepada penggunaan gaya bahasa yang berbunga-bunga. Pengarang meletakkan sifat perorangan menerusi penggunaan ayat (i) iaitu ‘*pohon-pohon getah*’. Kata kerja ‘*berlari*’ digunakan di awal ayat bagi tujuan menyampaikan mesej. Penggunaan gabungan sifat perorangan dengan keadaan persekitaran membawa pembaca untuk berfikir dengan lebih berimaginatif dan berfikir di luar paras kemampuan yang menjadi kebiasaan.

Walaupun penggunaan bahasa yang dipilih oleh pengarang didapati tidak bersifat terus atau nyata, namun penyampaian tersebut dapat difahami oleh pembaca. Penggunaan bahasa yang indah membuatkan pembaca lebih menjiwai mesej yang disampaikan dan keupayaan berfikir pembaca akan lebih teruji. Maka, penggunaan bahasa yang bersifat imaginatif dan figuratif dilihat menjadi pilihan pengarang, selaras dengan prinsip Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu mewujudkan kelainan dan penyimpangan bentuk bahasa dengan penerapan gaya bahasa yang indah.

Dalam contoh (ii) penggunaan ayat ‘*dia terluka dipijak oleh para demonstiran*’ turut tergolong dalam laras bahasa kreatif yang bersifat imaginatif dan figuratif. Ayat ‘*terluka*’ yang dimaksudkan di sini ialah melibatkan aspek batin iaitu perasaan dan bukanlah berbentuk fizikal. Watak terbabit mengalami perasaan kecewa akibat dari perbuatan para demonstiran dan bukanlah mengalami kecelakaan fizikal akibat dari dipijak oleh para demonstiran itu. Penggunaan bahasa imaginatif dan figuratif ini mampu membawa setiap pembaca untuk berfikiran jauh serta di luar kotak. Hal ini kerana, bahasa figuratif serta imaginatif ini mempunyai maksud yang berbeza dengan apa yang tersurat.

Analisis mengenai data ini dapat dikaitkan juga dengan prinsip Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) yang kedua iaitu mewujudkan penyimpangan dari sudut makna. Penyampaian makna dilakukan secara tersirat dan hanya dapat difahami oleh pembaca berdasarkan kepada gabungan ayat dan konteks dalam sesebuah penulisan. Penyampaian bahasa dalam ayat (ii) tidaklah dilakukan dengan menggunakan bahasa yang indah dan berbunga-bunga, tetapi lebih kepada penggunaan retorik yang memperlihatkan penyampaian makna dilakukan secara tersirat dalam sesebuah ayat. Penggunaan ayat ‘*dia terluka dipijak oleh para demostran*’ menjelaskan bahawa maksud sebenar ‘*terluka*’ bukanlah dipijak henyak sekaligus mengeluarkan darah dan kesan luka, tetapi membawa maksud terluka dari aspek batin iaitu yang melibatkan hati dan perasaan. Gabungan ayat ‘*dia terluka dipijak oleh para demostran*’ membawa pembaca untuk meneliti makna tersirat ayat tersebut dengan penelitian dengan lebih khusus kepada konteks ayat.

Banyak menggunakan Bahasa-bahasa Hiasan

Bahasa hiasan digunakan untuk memantapkan plot naratif dan penjelasan dalam sesebuah karya. Pemilihan dan penggunaan perkataan tambahan yang mantap dan sesuai telah menjadikan perkataan tersebut sebagai hiasan kepada karya yang dihasilkan. Jelasnya, bahasa hiasan berfungsi untuk mencorakkan idea atau pandangan yang dimuatkan dalam penulisan yang dihasilkan. Contoh laras bahasa yang bercirikan penggunaan bahasa hiasan dalam penulisan novel adalah seperti yang berikut, iaitu:

- i. Jangan conteng arang ke muka ibu
(HP: 139)
- ii. “Kami berpatah arang. Roden mengikut atau mencari jalannya sendiri, dan *I’ll do it my way.*” Kata Shirley mengenyit mata kepada Wendy.
(HP: 151-152)

Dalam contoh (i), ayat ‘*jangan conteng arang ke muka ibu*’ merupakan bahasa hiasan yang terdapat dalam novel Hujan pagi. Hal ini kerana, ayat ini menepati fungsi bahasa hiasan itu sendiri iaitu untuk mencorakkan idea atau pandangan pembaca. Disamping itu, ayat (i) dikatakan lebih sesuai serta manis untuk digunakan kerana ia lebih dikatakan berseni dan berlapik. Begitu juga dengan contoh (ii), ayat ‘*berpatah arang*’ turut tergolong dalam bahasa hiasan. Ayat itu mempunyai keseniannya yang tersendiri yang berfungsi untuk mengindahkan lagi sesebuah novel. ‘*Berpatah arang*’ di sini bermaksud perpisahan yang tak mungkin akan kembali lagi.

Terdapat perkaitan yang jelas antara penggunaan bahasa-bahasa hiasan dengan prinsip ke empat dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu

menampilkan estetika dalam pemilihan sesebuah diksi. Diksi yang dipilih bersifat artistik dengan penerapan beberapa elemen penting termasuklah juga elemen kebijaksanaan. Perkaitan elemen estetika dengan bahasa-bahasa hiasan dapat dilihat menerusi ayat (i) dan (ii) di atas. Ayat (i) iaitu '*jangan conteng arang ke muka ibu*', dan juga ayat (ii) iaitu '*berpatah arang*' dilihat mempunyai nilai estetika yang tersendiri dalam usaha menyampaikan sesebuah maksud perbualan. Dalam ayat (i), pengarang menggunakan elemen 'arang' bagi menggambarkan mengenai sebuah kotoran berwarna hitam.

Manakala, dalam ayat (ii), pengarang menggunakan elemen 'arang' bagi mengungkapkan mengenai sebuah perpisahan yang menemui penghujungnya. Dua gambaran yang berbeza telah dihasilkan oleh pengarang dengan menggunakan hanya satu elemen, iaitu elemen 'arang'. 'Arang' di sini membawa dua makna sekaligus menepati elemen penting yang terdapat dalam penulisan kreatif iaitu penggunaan diksi yang bersifat artistik (Teori Retorik Moden, 1993). Pemilihan diksi atau penyusunan ayat yang bersifat estetika masih mampu menyampaikan makna sebenar sesebuah ayat kerana mempunyai tahap kejelasan yang tersendiri.

Wacana Perlukisan

Laras bahasa yang bercirikan wacana perlukisan merupakan satu cara yang digunakan untuk menampilkan gambaran pengarang yang jelas dan mantap serta hidup tentang peristiwa, aksi dan emosi dalam sesebuah wacana.

- i. Tiga orang anak yang telah melampaui gerbang madrasah tadi kini cepat berlari, cuba-cuba mengharapakan perahu Idrus dapat menunggu. (HP: 23)
- ii. Gazis terhenti, berjalan ke kerusinya semula, lalu duduk lesu. Tiba-tiba kelihatan tangannya terketar, mukanya sedikit merah, dan tiba-tiba juga suaranya berubah – dia hampir menderam... (HP: 25)

Contoh (i) telah menggambarkan tentang situasi yang berlaku pada watak pada waktu itu. Ayat '*tiga orang anak yang telah melampaui gerbang madrasah tadi kini cepat berlari, cuba-cuba mengharapakan perahu Idrus dapat menunggu*' sememangnya memerihalkan tentang keadaan serta perlakuan watak pada waktu itu dengan jelas. Setiap pembaca pasti dapat membayangkan bagaimana saat ketiga-tiga anak tersebut berjalan dan kemudiannya berlari supaya sempat untuk menaiki perahu Idrus.

Contoh (ii) menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kelakuan dan tindakan Gazis. Pengarang telah menggambarkan tentang Gazis secara satu persatu serta dengan jelas iaitu saat Gazis mula berhenti ataupun berjalan. Pengarang turut menjelaskan tentang fizikal Gazis yang kelihatan mengeletar serta perubahan yang

berlaku pada tona wajahnya yang dilihat telah bertukar kepada warna sedikit merah. Dengan adanya laras bahasa yang bercirikan wacana perlukisan ini mampu membuat pembaca lebih mudah untuk memahami serta lebih mudah untuk menjiwai watak yang terdapat dalam novel tersebut.

Menerusi kupasan data dalam ayat di atas, terdapat perkaitan antara wacana perlukisan dengan prinsip kelima dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu menimbulkan pemahaman menerusi keupayaan kognitif, pemahaman sosial dan persekitaran bahasa yang terlibat. Wacana perlukisan yang menjadi ciri dalam laras bahasa menampilkan gambaran yang jelas daripada seseorang pengarang mengenai peristiwa dan emosi dalam sesebuah wacana. Manakala, prinsip kelima Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) mengupas mengenai pemahaman sosial dan persekitaran bahasa. Dalam ayat (i) dan (ii) di atas, perihal keadaan dan perlakuan watak dalam novel dengan penggunaan keadaan fizikal seseorang dapat membawa pembaca seolah-olah dapat melihat dengan jelas bentuk dan keadaan fizikal dan juga pemikiran dalaman seseorang watak. Penerapan penelitian yang lebih mendalam oleh pengarang menerusi laras bahasa dengan penggunaan retorik yang memerlukan keupayaan persekitaran bahasa memberi kesan kepada pembaca terutamanya daripada sudut psikologi dan juga emosi. Maka, dapat dilihat terdapat perkaitan antara pemahaman sosial dan persekitaran dengan laras bahasa yang melibatkan peristiwa dan emosi dalam penghasilan sesebuah wacana.

Penggunaan Bahasa Baku

Bahasa baku merupakan bahasa yang mempunyai keseragaman dalam sebutan, bentuk dan fungsi serta digunakan dalam tulisan dan situasi yang formal. Bidang sintaksis, leksikal, ejaan, morfologi dan sebutan merupakan aspek yang tergolong dalam aspek standardisasi bahasa. Ketepatan dan kesesuaian penggunaan kata merupakan satu aspek penting yang perlu ditekankan dalam penulisan yang menggunakan bahasa kreatif. Ketepatan diperlukan untuk penerangan mengenai hal-hal dan perkara yang faktual seperti nama sesuatu, ukuran, jangka masa, warna, rasa, waktu dan sebagainya. Ketepatan ini juga dikaitkan dengan benda-benda yang mempunyai hubungan dengan pancaindera. Kata-kata yang tepat digunakan untuk menerangkan hal-hal yang berhubung dengan ilmu dan penerangan. Pemilihan kata perlu dititikberatkan agar penulisan yang dihasilkan tidak merosakkan suasana yang dihasilkan.

- i. Peranan akhbar yang penting selalu disalahsangka bukan saja oleh khalayak ramai, tapi oleh para cendekiawan juga.

(HP: 95)

- ii. Dia menarik bangku, membesarkan api pelita, lalu duduk di hadapan tamunya yang masih tergamam itu.

(HP: 121)

Ayat yang terdapat dalam contoh (i) sememangnya mempunyai ciri-ciri bahasa baku kerana ayat tersebut bersifat gramatis dan lengkap dalam bentuk ayatnya. Dalam contoh (i), pengarang cuba menyatakan tentang peranan akhbar yang sering disalah tafsir oleh orang ramai termasuklah golongan bijakpandai. Ayat dalam contoh (ii) turut mempamerkan penggunaan bahasa baku. Pengarang cuba menerangkan tentang hal-hal serta perkara dengan tepat mengikut aturan waktu dan situasi yang berlaku pada saat itu. Hal ini dapat dilihat melalui ayat di atas, yang mana pengarang memerihalkan tentang kelakuan watak tersebut menarik bangku, dan seterusnya membesarkan api pelita dan akhirnya pengarang menggambarkan watak tersebut duduk di hadapan tetamunya yang masih tergamam.

Menerusi konteks ayat yang dihasilkan oleh pengarang di atas, penggunaan bahasa tidak berlaku secara tersirat, tetapi lebih jelas dan nyata. Hal ini bersesuaian dengan prinsip ketiga dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu mewujudkan kesan yang lebih mendalam terhadap karya yang dihasilkan. Penggunaan retorik dalam ayat di atas membawa pembaca untuk sama-sama mendalami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang. Penggunaan bahasa baku dilihat sangat membantu untuk pembaca memahami maksud yang ingin disampaikan tersebut. Bahasa baku bertindak sebagai bahasa rasmi yang digunakan oleh masyarakat dan peranan bahasa baku yang selaras memberi kesan yang lebih mudah dan positif dalam usaha menyampaikan sesebuah mesej. Gambaran yang diberikan oleh pengarang menerusi barisan ayat di atas dengan menggunakan bahasa baku memudahkan pembaca untuk sama-sama mendalami perasaan dan fikiran pengarang. Maka jelaslah bahawa penggunaan sesebuah retorik dengan menggunakan bahasa baku dapat memperhalus makna yang ingin disampaikan kepada pembaca.

Menggunakan Sudut Pandangan Orang Pertama

Penggunaan sudut pandangan orang pertama seperti aku, saya, kita dan lain-lain merupakan salah satu ciri yang menyerlahkan penggunaan laras bahasa kreatif dalam sesebuah penulisan. Penggunaannya adalah bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang dekat antara pembaca dan pengarang. Kewujudan hubungan ini telah memudahkan untuk mentafsir emosi, menyebarkan ilmu pengetahuan dan melukiskan idea, maklumat atau mesej dengan berkesan.

- i. Saya cuma merasa betapa ruginya bagi seseorang untuk mencari sesuatu yang jauh ke dasar lagenda...yang boleh diperiksa, dinilai.

- ii. Saya tidak kata saya perkecil sejarah; saya cuma merasa masa kini lebih perlu diperiksa dan diubati.

(HP: 210)

- iii. Saya senang kerana awak tidak sedikit pun merasa kekok. Saya senang awak tidak membantah saya membawa Garisah dan Farisah.

(HP: 281)

Melalui ayat dalam contoh (i), dapat dilihat bahawa watak menggunakan kata ganti diri pertama iaitu 'saya' dalam percakapannya. Dalam contoh (ii) pula memperlihatkan penggunaan kata ganti nama diri kedua iaitu 'awak'. Penggunaan kata ganti nama ini sememangnya merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh pengarang untuk mendekatkan lagi hubungan antara pembaca dan penulis. Secara tidak langsung dapat berkongsi emosi dengan senang serta menyampaikan mesej dengan telus.

Penggunaan kata ganti nama diri dalam ayat (i) dan (ii) di atas memperlihatkan berlaku perkaitan antara ciri-ciri laras bahasa kreatif iaitu penggunaan sudut pandangan orang pertama dengan prinsip ketiga dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993). Prinsip ketiga tersebut ialah mewujudkan kesan yang lebih mendalam terhadap sesebuah karya yang dihasilkan. Penggunaan kata ganti nama dalam ayat (i) dan (ii) di atas iaitu 'saya' dan 'awak' dilihat memudahkan proses penyampaian makna kepada pembaca. Penggunaan kata ganti nama diri tersebut dilihat lebih dekat dan menyatu antara pengarang dengan pembaca. Penggunaan kata ganti nama diri tersebut merupakan kata ganti nama diri yang menjadi kebiasaan dalam sesebuah perbualan dalam kalangan masyarakat. Kata ganti nama diri 'saya' dan 'awak' tidak mencetuskan jurang antara penutur dan pendengar, juga antara pengarang dan pembaca. Pemilihan kata ganti nama diri tersebut juga mempengaruhi pembaca untuk meneruskan pembacaan seterusnya sama-sama mendalami pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang. Perkaitan penggunaan sudut pandang orang pertama dalam ciri laras bahasa kreatif dengan penggunaan retorik yang memperhalus makna didapati dapat mewujudkan kesan yang lebih mendalam terhadap penghasilan karya, juga hubungan antara pengarang dengan pembaca.

Bernada Puitis

Laras kreatif mengutamakan penggunaan bahasa yang puitis dan indah. Pemilihan diksi, ungkapan dan ayat tertentu sering menimbulkan ekspresi yang indah, seni dan mencuit perasaan pembaca dan pendengar. Bahasa yang disampaikan melalui genre seperti novel, cerpen dan puitis begitu memikat dan menghiburkan.

- i. Hembusan angin dan goyangan pohon-pohon yang cergas beransur menyejukkan hatinya, mendorongnya tersenyum sendirian beberapa kali.
(HP: 11)
- ii. Pohon-pohon getah berlari kini diganti oleh kawasan lengang berpayau, dan di kejauhan berbukit bukau yang sayu atau muram.
(HP: 67)

Ayat dalam contoh (i) menepati ciri-ciri ayat yang bernada puitis. Ini dapat dibuktikan melalui pemilihan ayatnya yang mampu menenangkan hati setiap pembaca. Pembaca pasti akan turut merasai serta cuba untuk menyelami situasi yang digambarkan oleh pengarang. Keadaan ini akan menimbulkan kesenangan dalam diri pembaca untuk terus membaca setiap baris ayat dalam novel tersebut. Melalui contoh (ii) pula, pembaca pasti akan membayangkan tentang apa yang ditulis oleh pengarang iaitu tentang keadaan pokok getah yang sebelumnya menghijau telah berubah menjadi kawasan lengang yang berpayau. Pemilihan ayat ini juga turut menarik minat pembaca untuk terus membaca novel ini sehingga menemui penghujungnya.

Elemen puitis yang dirangkumkan dalam ciri-ciri laras bahasa kreatif secara nyata dilihat berkait dengan prinsip pertama dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu menggunakan gaya bahasa yang indah dan menarik bagi mewujudkan kelainan dan penyimpangan dan pembentukan bahasa. Elemen puitis dalam ayat (i) iaitu '*hembusan angin dan goyangan pohon-pohon yang cergas beransur menyejukkan hatinya, mendorongnya tersenyum sendirian beberapa kali*' dan ayat (ii) iaitu '*pohon-pohon getah berlari kini diganti oleh kawasan lengang berpayau, dan di kejauhan berbukit bukau yang sayu atau muram*' bertindak sebagai sebuah ayat yang puitis dan berbunga-bunga namun masih boleh menyampaikan maksud sebenar pengarang. Penggunaan ayat yang tidak dilakukan secara nyata, tidak memberikan kesan yang tidak baik terhadap pemahaman pembaca. Malah, membuatkan pembaca berusaha untuk berfikir bagi memahami mesej yang ingin disampaikan. Maka, dapat dilihat di sini ciri laras kreatif iaitu bersifat puitis mempunyai kaitan langsung dengan prinsip pertama dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu penggunaan bahasa yang indah bagi mewujudkan kelainan dalam pembentukan bahasa namun masih boleh difahami oleh pihak pembaca.

Pemilihan Diksi

Diksi bererti pemilihan perkataan. Perkara ini ialah aspek utama dalam sesuatu media. Perasaan dan pemikiran akan menonjol dengan jelas daripada pilihan perkataan yang digambarkan oleh penulis. Memilih perkataan yang membawa fungsi dalam sajak misalnya tidak mudah kerana ia memerlukan penyesuaian

dengan tema yang ingin disampaikan. Adakah perkataan ini jelas dan berkesan dalam menggambarkan satu-satu peristiwa atau pemilihannya dapat menerangkan tentang watak, sifat dan gerak lakunya. Biasanya terdapat beberapa perkataan untuk suatu pengertian, sama ada perkataan lain yang membawa makna yang sama atau perkataan yang berbeza ertinya secara literal tetapi membawa konotasi yang sama dengan maksud yang hendak disampaikan.

- i. Dia merasa-rasa titian kecil di hadapan pejabatnya, berjalan hati-hati, tapi tersangkak.

(HP: 01)

- ii. Sekumpulan anak enam orang berusia antara tiga hingga dua belas tahun ghairah memukul hadrah senyaring-nyaringnya. Mereka semuanya berbaju ungu bersamping hitam. Mereka sedang mengiringi Lajis yang berpakaian kot kuning tebal dan berkain pelekat hijau muda berpetak biru muda.

(HP: 377)

Melalui contoh ayat (i) pengarang telah mengaplikasikan penggunaan diksi yang berkesan di dalam novel yang dihasilkannya. Ayat dalam contoh (i) menerangkan tentang kelakuan watak tersebut sedang berjalan melalui titian kecil yang berada di hadapan pejabatnya. Namun dalam berwaspada itu pun, dia masih juga ingin tersadung. Ayat (ii) turut menampakkan penggunaan diksi yang betul. Dalam ayat ini, pengarang telah menjelaskan tentang sesuatu dengan lebih terperinci. Ini dapat dilihat melalui ayat (ii), pengarang menggambarkan tentang enam orang individu yang berumur antara dua belas hingga tiga belas tahun sedang memukul hadrah. Di sini, pengarang turut menjelaskan tentang warna baju yang dipakai oleh mereka serta emosi mereka pada waktu itu.

Kupasan mengenai elemen diksi dalam ciri-ciri laras kreatif membawa kepada perkaitan elemen tersebut dengan prinsip ke empat Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu menampilkan estetika dalam pemilihan diksi atau penyusunan ayat. Pemikiran yang digambarkan oleh pengarang mudah ditafsir dengan jelas menerusi pemilihan perkataan yang bersesuaian. Beberapa perkataan yang berbeza untuk sesebuah pengertian masih membawa konotasi yang sama dengan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang. Pemilihan diksi yang telah dilakukan oleh pengarang dalam ayat (i) dan ayat (ii) memberi kesan positif kepada pembaca sehingga mempengaruhi pembaca untuk berfikir dengan lebih teliti. Kupasan terperinci yang dilakukan oleh pengarang dengan menggunakan diksi yang bersesuaian membuatkan pembaca seolah-olah turut berada dalam situasi penceritaan tersebut. Penggunaan busana, bentuk fizikal, peralatan yang digunakan termasuklah keadaan situasi dan persekitaran dalam novel hasil garapan pengarang menampilkan beberapa elemen penting dalam penulisan kreatif termasuklah kejelasan, keadilan dan kebijaksanaan seperti yang

terkandung dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993). Maka, berlaku perkaitan antara pemilihan diksi dalam ciri-ciri laras kreatif dengan pemilihan diksi yang bersifat artistik seperti yang terdapat dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993).

Bersifat Komunikatif

Semua hasil karya kreatif bersifat komunikatif, iaitu membentuk satu perhubungan langsung antara pengarang dengan pembaca. Penghasilan idea dan plot penceritaan yang pengarang sampaikan dalam laras bahasa kreatif lazimnya dapat membawa pembaca bersama menghayati apa yang ingin pengarang sampaikan. Dengan penghayatan yang mendalam terhadap apa yang dibaca akan menimbulkan rasa perhubungan yang dekat antara pengarang yang menyampaikan mesej kepada pembaca yang menerima mesej.

i. “Manusia kan selalunya belajar daripada bencana,” kata Norisah cuba memudahkan.

(HP: 14)

ii. Kita wanita memang sentiasa saja mengarah ke dunia antik. Kita berlumba dengan umur.

(HP: 45)

Contoh (i) jelas membuktikan bahawa karya kreatif turut mempunyai sifat komunikatif. Dialog di antara watak ini menampakkan tentang perhubungan antara pengarang dan pembaca. Pengarang cuba menyatakan bahawa manusia biasanya akan belajar melalui kesilapan yang telah berlaku. Dalam ayat (ii), pengarang cuba untuk membuat para pembaca turut serta menyelami perasaan wanita yang dikatakan begitu sensitif tentang hal yang berkaitan dengan umur. Wanita sememangnya amat mudah merasa bimbang jika berbicara mengenai usia terutama jika wanita tersebut telah berusia namun masih belum berumahtangga.

Sifat komunikatif dalam sesebuah laras bahasa memberi kesan dari sudut penyampaian sesebuah bahasa. Perhubungan langsung yang berlaku antara pengarang dan juga pembaca akan menimbulkan satu tautan yang memperlihatkan kesan positif dan negatif terhadap sesebuah penyampaian mesej dalam sesebuah novel. Pemilihan dan penggunaan idea dalam sesebuah penceritaan dapat membawa bersama pembaca untuk menerokai perjalanan sesebuah penceritaan. Pembaca akan merasa lebih dekat dengan pengarang jika pengarang menggunakan kemahiran ciri-ciri laras bahasa kreatif iaitu sifat komunikatif dalam penghasilan sesebuah karya. Sifat komunikatif tersebut adalah hasil daripada aplikasi hubungan dua hala seperti yang dilihat berlaku dalam dunia sebenar iaitu pertautan antara penutur dan juga pendengar ketika proses perbualan dilakukan. Sifat komunikatif dalam ciri-ciri laras bahasa kreatif ini dilihat mempunyai perkaitan dengan prinsip

kelima dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu menimbulkan penginterpretasian yang memerlukan keupayaan untuk berfikir, mendalami keadaan persekitaran bahasa dan juga untuk melancarkan perjalanan interaksi sosial dua hala. Sifat komunikatif yang baik diperlukan dalam usaha memudahkan pembaca untuk memahami mesej yang ingin disampaikan.

Bersifat Ambiguiti (Ketaksaan)

Perkataan ambiguiti bermaksud unsur kekaburan dan ketidakjelasan yang digambarkan dalam laras bahasa kreatif itu sendiri. Oleh sebab itu, idea yang hendak disampaikan oleh pengarang atau penyampai mempunyai pelbagai tafsiran daripada pembaca. Penggunaan unsur imejan boleh menimbulkan unsur ambiguiti. Antara unsur yang sering digunakan ialah unsur metafora, personifikasi dan sebagainya. Pengarang secara tidak langsung dapat memikat diri pembaca dengan cara menggunakan unsur ambiguiti dalam penulisan dan penyampaiannya.

- i. Sebuah tongkang sedang mengensot. (HP: 1)
- ii. Percik-percik sinar mentari senja menyusup di celah-celah daun pokok yang disergah angin *tergeleng-geleng, terangguk-angguk*. (HP: 113)

Dalam contoh (i), perkataan yang mempunyai unsur kekaburan serta ketidakjelasan ialah 'mengensot'. 'Mengensot' merupakan sifat perorangan dan bukanlah sifat benda. Pengarang cuba menimbulkan kesan ambiguiti apabila cuba meletakkan sifat perorangan terhadap sebuah kapal yang sedang melayar ke lautan. Seterusnya, perkataan 'tergeleng-geleng, terangguk-angguk' dalam contoh (ii) turut disifatkan mempunyai unsur kekaburan. Pengarang turut meletakkan sifat perorangan kepada daun-daun pokok yang sedang ditiup angin itu.

Pemilihan penggunaan bahasa yang tersirat menjadi satu cabaran buat pembaca bagi memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang. Ambiguiti yang merupakan ciri-ciri dalam laras kreatif dapat dikaitkan dengan prinsip kedua dalam Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) iaitu mewujudkan penyimpangan dari sudut makna. Kewujudan elemen penyimpangan ini berlaku hasil daripada makna tersirat yang digunakan oleh pengarang. Penggunaan unsur seperti hiperbola dan pelbagai lagi memberi kesan kepada pembaca kerana penggunaan unsur imejan boleh menimbulkan unsur ambiguiti. Namun, keadaan tersebut dilihat dapat memikat pembaca untuk meneruskan pembacaan. Hal ini juga dapat dikaitkan dengan prinsip dalam Teori Retorik

Moden (Enos & Brown, 1993) yang menjelaskan bahawa proses penyampaian makna secara tersirat dapat difahami oleh pembaca berdasarkan kepada gabungan ayat dan konteks yang digunakan dalam sesebuah penulisan. Penggunaan unsur ambiguiti sebagai ciri-ciri laras bahasa kreatif dengan penerapan elemen retorik yang menekankan kepada makna tersirat (Teori Retorik Moden, 1993) dapat menghasilkan sebuah jalinan yang kuat antara pengarang dan juga pembaca. Proses memahami dan meneliti maksud sebenar sesebuah perkataan atau ayat akan membuatkan pembaca lebih teruja sekaligus meningkatkan kemahiran berfikir mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat sembilan jenis laras bahasa kreatif sastera telah dikenal pasti terdapat dalam novel *Hujan Pagi* karya A.Samad Said. Sembilan jenis laras bahasa kreatif yang dikenal pasti tersebut ialah bersifat imaginatif dan figuratif, menggunakan bahasa hiasan, wacana per lukisan, penggunaan bahasa baku, menggunakan sudut pandangan orang pertama, bernada puitis, pemilihan diksi, bersifat komunikatif, dan bersifat ambiguiti (ketaksaan). Memahami ciri-ciri laras bahasa kreatif sastera dalam sesebuah karya amat penting untuk membantu pembaca mendekati elemen seni bahasa. Di samping itu juga, dengan menguasai ciri laras bahasa kreatif, mesej yang ingin disampaikan oleh seseorang pengarang dalam setiap karyanya akan lebih mudah untuk difahami oleh pembaca kerana laras bahasa ini merupakan medium yang digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan bentuk perasaan, mesej, serta pengalaman mereka. Karya yang mengandungi laras kreatif yang lengkap dengan penggunaan fonem, diksi, dan seterusnya memiliki unsur wacana merupakan karya penulisan yang bermutu, berkesan dan indah.

RUJUKAN

- Ab.Razak Ab. Karim. (2008). *Kepelbagaian Laras Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (1997). *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-Esei Lain*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Asmah Haji Omar. (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halliday M. A. K., J. A. (). *Reading In The Sociology Of Language, The Users And Uses Of Language*. The Hague: Mountan.
- Kamaruddin Haji Husin. (1995). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sd. Bhd.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Salleh Rahamad. (1998). *Strategi Bahasa: Panduan Nahu dan Retorik Untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Rosilawati Seman. (2010). *Penggunaan Laras Bahasa Ilmiah Dalam Rencana Majalah Dewan Bahasa*. Latihan Ilmiah yang belum diterbitkan. Universiti Putra Malaysia: Serdang.
- Nik Safiah Karim. (1989). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom. (Ogos, 2012). *Laras Bahasa Melayu Dalam Teks Undang-Undang*. Dewan Bahasa.
- Nur Fatiha Fadila. (Februari, 2012). *Manipulasi Kuasa Bahasa Kreatif*. Dewan Bahasa. 12(2), 6-9.
- S. Nathesan. (1995). *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ure, J. & Ellis. (1977). *Register In Descriptive And Linguistics Sociology*. Dalam Uribe Oscar Wileegers (ed.), *Issues in Sociolinguistics*. New York: Mouton Publishers.